

**PERSEMBAHAN BORIA DI PULAU PINANG: KAJIAN MENGENAI NILAI MURNI
DALAM LAGU BORIA OMARA**

FYP FTKW




NURHAZIRAH BINTI EHSAN

UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERSEMBAHAN BORIA DI PULAU PINANG: KAJIAN MENGENAI NILAI MURNI
DALAM LAGU BORIA OMARA**

Oleh

NURHAZIRAH BINTI EHSAN
C20A1315

Laporan Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Memperolehi
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Seni Persembahan) Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2023/2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan hasil dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti lain atau institusi.

**AKSES
TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (teks penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut.

1. Laporan ini adalah hakmilik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.



Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Tarikh: 22/2/2024

Nama: NURHAZIRAH BINTI EHSAN

No. Kad Pengenalan: 000503-04-0240

Nama:

Tarikh:

PENGHARGAAN

‘Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani’

Syukur Alhamdulillah kehadiran Ilahi kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menyelesaikan laporan ini dengan penuh jayanya. Saya ingin mengalungkan setinggi tinggi penghargaan kepada pensyarah saya yang merangkap penyelia iaitu Encik Aswawi bin Isa di atas bimbingan, dorongan, pandangan yang diberikan serta teguran dan tunjuk ajar yang cukup bermanfaat sepanjang tempoh penyediaan laporan penyelidikan ini.

Pertama sekali, sekalung penghargaan juga ingin saya berikan kepada keluarga saya yang tercinta kerana turut membantu saya dari segi memberi idea dan sumbangan moral serta sentiasa memberi semangat sama ada berbentuk fizikal mahupun mental. Bantuan dan semangat yang diberikan amat saya hargai. Tanpa mereka disisi mungkin saya tidak berjaya menyiapkan laporan penyelidikan ini dengan jayanya.

Selain itu, ucapan terima kasih juga tidak lupa ditujukan kepada sahabat sahabat perjuangan saya yang sentiasa berada disisi dalam menghadapi susah dan senang. Sahabat yang sentiasa ada dalam membantu saya menyiapkan laporan penyelidikan ini. Selanjutnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung. Diharapkan agar segala usaha dan kerjasama yang diberikan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN

MUKA SURAT

MUKA HADAPAN	
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii - v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan	1 - 3
1.1 Latar Belakang Kajian	4
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8 - 9
1.8 Kesimpulan	10

BAB 2: SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	11
2.1 Kajian Lepas	11 - 15
2.2 Nilai Murni	16
2.3 Rangkap Karangan	17 - 18
2.4 Lagu-Lagu Boria Omara	19 – 20
2.5 Lirik Lagu Boria Omara	21 - 30

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	31 - 32
3.1 Reka Bentuk Kajian	33
3.2 Teknik Pengumpulan Data	34
3.2.1 Data Primer	34 - 36
3.2.2 Data Sekunder	36 - 37
3.3 Analisis Data	38
3.4 Kesimpulan	38

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	39
4.1 Latar Belakang Informan	39
4.2 Sejarah Perkembangan Boria	40
4.3 Mengkaji Latar Belakang Dan Sejarah Boria Omara Di Pulau Pinang	41 - 42
4.4 Mengenalpasti Aspek-Aspek Yang Terdapat Dalam Seni Persembahan Boria Di Pulau Pinang	43 – 49
4.5 Menganalisis Nilai Murni Dalam Lagu Boria Omara Di Pulau Pinang	50 - 80
4.6 Analisis Kajian	81 - 82
4.7 Kesimpulan	83

BAB 5: CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan	84 – 85
5.2 Rumusan	85 - 86
5.3 Cadangan	86
5.3.1 Individu	86 - 87
5.3.2 Masyarakat	867
5.3.3 Kerajaan	88
5.4 Kesimpulan	89 - 90
BIBLIOGRAFI	91 - 93
LAMPIRAN	94 - 95

**PERSEMBAHAN BORIA DI PULAU PINANG: KAJIAN MENGENAI NILAI
MURNI DALAM LAGU BORIA OMARA**

ABSTRAK

Boria merupakan satu kesenian yang dimainkan secara berkelompok. Ianya adalah sejenis seni persembahan yang dikatakan amat popular di utara Malaysia, terutamanya di negeri Pulau Pinang. Boria digunakan sebagai satu wadah bagi menaikkan semangat perjuangan masyarakat Melayu pada masa dahulu. Secara keseluruhannya, penyelidik akan mengkaji mengenai latar belakang dan sejarah Boria Omara di Pulau Pinang serta mengenalpasti aspek-aspek yang terdapat dalam seni persembahan boria di Pulau Pinang. Seterusnya pengkaji akan menganalisis nilai murni dalam lagu Boria Omara di Pulau Pinang kerana kajian mengenai tajuk atau topik ini sangat jarang diberikan perhatian. Maka, kajian ini dilakukan bagi mengkaji serta memahami dengan lebih jelas lagi persembahan Boria Omara di Pulau Pinang.

**PERFORMANCE OF BORIA IN PENANG: A STUDY ON PURE VALUE IN
BORIA OMARA SONGS**

ABSTRACT

Boria is a form of performance arts that was performed on the stage. It is very popular show in Northern Malaysia, especially in Penang. In the old days, Boria performances were held to boost the Malay community's spirit in fighting for their rights. Overall, the researcher will study the background and history of Boria Omara in Penang as well as identify the aspects found in the art of performing boria in Penang. Next, the researcher will analyze the pure value in Boria Omara's song in Penang because research on this title or topic is rarely given attention. Therefore, this study was conducted to study and understand more clearly the performance of Boria Omara in Penang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Secara umumnya, seni merupakan sesuatu yang sangat indah. Walau apa pun jenis seni yang diperkenalkan ianya merupakan satu aktiviti yang diterima oleh masyarakat dan kesenian ini berupaya untuk menyampaikan sesuatu yang boleh dimiliki seperti bentuk tarian, persembahan dan lain-lain. Seni persembahan merangkumi persembahan yang dipentaskan dalam pelbagai kategori antaranya Seni Tari, Seni Muzik, Seni Teater dan termasuk Seni Suara dan Nyanyian. Seni persembahan yang dipersembahkan adalah berbentuk kesenian tradisional yang telah diwariskan daripada generasi terdahulu.

Terdapat dua jenis seni persembahan iaitu persembahan moden dan tradisional. Sudah tentu, bakat seni berasal dari naluri orang yang mempunyai darah seni. Persembahan ini hanya boleh dikuasai oleh individu yang sangat berbakat. Terdapat tiga komponen penting dalam seni persembahan iaitu persembahan, pentas dan penonton. Tarian dan persembahan muzik adalah contoh kesinambungan artistik yang dicipta. Seni persembahan bermula dengan kata dan tindakan sebelum suara muncul dan digabungkan untuk menghasilkan pengalaman yang estetik.

Sesetengah ahli akademik berpendapat bahawa perkataan Bori adalah asal usul dari perkataan boria. Kaum Bori berasal dari Gujerat, India. Kaum inilah yang dikatakan memulakan permainan boria di Pulau Pinang apabila mereka berhijrah dan menetap di sana. Sesetengah orang berpendapat bahawa perkataan "boria" berasal dari perkataan "bori" dan "ria." "Ria" merujuk kepada gabungan seni lakon, sastera, lagu dan tarian. Boria adalah nama suku Bori yang menggabungkan semua elemen yang baik.

Di negeri utara Malaysia, terutamanya di Pulau Pinang, Boria adalah sejenis teater yang sangat disukai. Boria telah berkembang daripada seni pementasan duka kepada seni pementasan gembira. Ini menjadi lebih jelas menjelang kemerdekaan boria, apabila ia mendapat bentuk hari ini, dengan bahagian sketsa komedi dan siku lagu tari. Satu tempat kejadian lakonan dikenali sebagai sketsa sebabak. Contohnya, jika sketsa itu berlaku di rumah, adegan lakonan atau sketsa itu hanya berkisar tentang suasana rumah. Sketsa mesti mempunyai mesej, nasihat, dan komedi. Untuk segmen kedua, Tukang Karang akan menyanyikan seni kata rangkap lagu menggunakan rentetan sketsa ini. Persembahan boria dalam tarian atau pergerakan yang dicipta oleh kumpulan yang diketuai oleh Tukang Karang berfungsi sebagai Ketua atau Solo Utama, dan Sailor, yang kini dipanggil "kelasi," telah memang ditentang oleh pengiat lama. Untuk menentukan tahap persembahan, kedua-dua bahagian ini akan bergantung pada satu sama lain.

Pada awalnya, nilai estetika yang wujud dalam boria adalah para pelakon boria yang terdiri daripada lelaki sahaja. Watak wanita yang muncul akan dilakonkan oleh seorang lelaki yang memakai pakaian wanita sambil merendahkan suaranya agar tidak seperti suara lelaki. Lakonan akan dipenuhi dengan keunikan yang tersendiri seperti lawak jenaka yang sengaja direka untuk mengelikan hati para penonton.

Sebaik sahaja babak lakonan berakhir, muzik akan dimainkan untuk menandakan bermulanya bahagian kedua iaitu nyanyian. Si tukang karang iaitu ketua nyanyian dalam setiap kumpulan akan mendahului para kelasi (penyanyi/penari latar) untuk masuk ke pentas sambil memusing-musingkan “baton” di tangan. Nyanyian akan dimulakan secara solo oleh tukang karang yang kemudiannya akan diikuti oleh korus pihak kelasi.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN



1.1.1 Peta Negeri Pulau Pinang

Kajian ini tertumpu kepada keseluruhan kawasan negeri Pulau Pinang. Disebabkan persembahan boria telah lama berasimilasi di negeri ini, maka kajian yang dilakukan ini akan memfokuskan kepada keseluruhan daerah yang terdapat di dalamnya. Meskipun persembahan boria bukan lagi menjadi salah satu lambang persembahan bagi negeri Pulau Pinang ini, namun disebabkan kebanyakan daripada kajian yang dilakukan ini memang rata-ratanya hanya tertumpu di negeri Pulau Pinang, maka keseluruhan kajian memang hanya akan berkisarkan di sekeliling kawasan negeri ini sahaja.

Hal ini demikian kerana, kebanyakkan daripada sumber rujukan iaitu tokoh tersohor dalam bidang boria ini masih ramai lagi yang ada di dalam negeri ini. Jadi, kawasan Pulau Pinang ini adalah merupakan kawasan rujukan atau penumpuan utama yang akan menjadi sumber rujukan penting dalam menjalankan kajian ini.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Pada era globalisasi ini, dengan peralihan kemodenan yang semakin canggih, pengkaji mendapati persembahan boria telah kurang mendapat perhatian dalam kalangan generasi muda. Secara tidak langsung, persembahan boria pada masa kini telah jauh ketinggalan ke belakang untuk dibawa lebih jauh ke hadapan berbanding persembahan lain seperti dikir barat, wayang kulit dan makyong. Selain itu, menyelami apakah nilai murni yang terkandung di dalam baik-baik rangkap lagu yang terdapat dalam boria omara. Menurut Jibrin dalam penulisan Kalsom Rahmathulah (2015) mengatakan bahawa keaslian dalam boria perlulah dikekalkan supaya identiti boria sentiasa segar biarpun telah menerima pembaharuan serta diberi sentuhan mengikut peredaran zaman teknologi masa kini.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- 1.3.1 Apakah latar belakang dan sejarah Boria Omara di Pulau Pinang.
- 1.3.2 Apakah aspek-aspek yang terdapat dalam seni persembahan boria di Pulau Pinang.
- 1.3.3 Apakah nilai murni dalam lagu Boria Omara di Pulau Pinang.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Objektif ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Mengkaji latar belakang dan sejarah Boria Omara di Pulau Pinang .
- 1.4.2 Mengenalpasti aspek-aspek yang terdapat dalam seni persembahan boria di Pulau Pinang.
- 1.4.3 Menganalisis nilai murni dalam lagu Boria Omara di Pulau Pinang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya tertumpu kepada rangkap karangan yang dihasilkan oleh Tuan Omara dengan mengkaji nilai-nilai murni dalam lagu Boria Omara dan mengenalpasti aspek-aspek yang terdapat dalam seni persembahan boria di Pulau Pinang. Pengkaji juga mengkaji latar belakang dan sejarah Boria Omara di Pulau Pinang. Pengkaji hanya menfokuskan kepada Boria Omara di Pulau Pinang kerana boria ini kebanyakan hanya terdapat di Pulau Pinang sahaja. Pengkaji akan mudah untuk menyelesaikan penulisan mengenai boria ini. Selain itu, segala maklumat lain yang diperolehi daripada sudut lain akan diambil oleh pengkaji untuk dijadikan sebagai bahan sorotan kajian lepas.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1.6.1 INDIVIDU

Dengan adanya kajian tentang boria ini, ia dapat memberikan suatu gambaran yang jelas kepada individu mengenai persembahan boria. Hal ini kerana, walaupun persembahan boria hanya dipersembahkan di beberapa tempat namun jika tidak dilestarikan warisan ini mungkin akan hilang dan mengakibatkan ianya kurang mendapat perhatian oleh masyarakat. Dengan adanya kajian ini, ia sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan sumber maklumat kepada individu dan juga pengkaji sendiri untuk mengetahui nilai murni dalam persembahan Boria Omara di Pulau Pinang.

1.6.2 MASYARAKAT

Kepentingan penyelidikan ini adalah ilmu kajian yang dapat membantu persembahan Boria Omara untuk terus bertapak dan menghiburkan masyarakat pada masa kini. Hal ini kerana, segelintir masyarakat pada masa kini tidak berminat dalam melibatkan diri untuk mempelajari sesebuah warisan budaya itu serta menganggap persembahan boria hanyalah persembahan kuno yang hanya dipersembahkan di sesetengah tempat yang kurang popular, namun persembahan boria ini mempunyai banyak nilai-nilai dan juga nasihat yang berguna kepada semua masyarakat.

1.6.3 INSTITUSI PENDIDIKAN

Kajian ini akan dapat memberi kelangsungan sebuah seni warisan yang bermanfaat untuk dijadikan bahan rujukan kepada generasi yang akan datang kepada semua institusi pendidikan terutamanya sekali dalam bidang kesenian dan kebudayaan dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran. Bersesuaian dengan hasrat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negari Pulau Pinang dalam memperkembangkan lagi seni tarian dan nyanyian ini di serata negeri bermula dari usia muda. Diharapkan dengan kajian ini dapat membantu generasi muda untuk lebih mengetahui tentang persembahan boria ini.

1.7 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, apa yang ingin diterapkan oleh penyelidik adalah seni persembahan boria haruslah dikembangkan dalam kalangan remaja untuk mengekalkan tradisi ini. Walaupun kini, zaman teknologi semakin canggih, namun ianya bukanlah satu masalah atau cabaran buat masyarakat untuk terus mengekalkan tradisi ini. Masyarakat memainkan peranan penting dalam meneruskan legasi ini agar tidak lapuk dek zaman. Persembahan boria suatu ketika dahulu sangatlah popular sehinggakan mampu memperoleh anugerah warisan Georgetown World Heritage Incorporated (GTWHI). Dalam kajian ini, penyelidik akan merungkaikan permasalahan yang telah menyebabkan kurangnya pendedahan mengenai seni persembahan boria.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan mengenai nilai murni dalam lagu boria Omara di Pulau Pinang, sejarah perkembangan seni persembahan boria dan hubungkait perkara – perkara yang dikaji berserta bahan rujukan yang berbentuk teks, artikel, jurnal dan maklumat yang diperolehi dari laman – laman web yang akan membantu bagi pengumpulan data dalam menjawab persoalan kajian.

2.1 KAJIAN LEPAS

Menurut Wan Mohd. Zahid, nilai-nilai murni adalah tanggapan tentang perkara yang diingini dan pada masa yang sama juga berfungsi sebagai ukuran atau kriteria. Agama biasanya menjadi asas kepada nilai murni masyarakat. Semua agama bertujuan untuk meningkatkan kehidupan penganutnya dan meningkatkan akhlak mereka.

Nilai, menurut Jules Henry (1975) ialah sesuatu yang dinilai dengan baik, seperti kesederhanaan, ketenangan, kejujuran, kasih sayang, kepuasan hati, keseronokan dan kesopanan. Penghayatan nilai ini tidak disampaikan secara langsung tetapi melalui pantun, sajak dan sebagainya.

Rahmah Bujang (1987) menyatakan bahawa seni persembahan boria terdiri daripada dua komponen iaitu pengenalan dan persembahan. Lakonan sketsa dalam bahagian pengenalan bertujuan untuk menyampaikan mesej, nasihat dan jenaka secara hiburan. Pertunjukan, yang terdiri daripada nyanyian, muzik dan tarian, adalah aspek kedua. Penari dalam kumpulan boria, yang dikenali sebagai sailor, akan masuk ke pentas dengan gerak langkah tertentu selepas bahagian pengenalan atau sketsa ini selesai. Tukang karang, orang utama yang akan mengendalikan persembahan, akan mengikuti mereka.

Di dalam buku Sejarah dan Perkembangan Boria Pulau Pinang, HT Haughton menyatakan bahawa perkataan "boria" berasal dari perkataan Hindustan, yang bermaksud "tikar," "tikar sembahyang," atau "tikar gulung." Kata ini muncul kerana kebanyakan pengiat boria pada masa itu adalah orang British yang dibawa masuk dari wilayah India Chulia dan Beri.

Menurut Mohammad Ishak Abdul Aziz (1979) menyatakan, 'Sailor' merupakan kumpulan penari dan penyanyi yang bertanggungjawab untuk mengatur langkah tarian mengikut muzik dan lagu dalam sesebuah persembahan boria.

Dalam artikel online Utusan Malaysia bertajuk "Kumpulan Boria Omara tidak putus asa perjuang seni warisan Pulau Pinang," Safana Ramli (2022) membincangkan Omar Md. Hashim, 67, pada mulanya bimbang jika 20 ahli kumpulannya, yang terdiri daripada remaja berusia 13 hingga 25 tahun,

kerana kehilangan undangan persembahan. Namun begitu, beliau menyatakan bahawa kumpulan mereka bernasib baik kerana hasil karya mereka boleh dilihat oleh peminat mereka di media sosial seperti Facebook, Omara TV Dok Mai, dan YouTube.

Laman web Buletin Mutiara bertajuk Boria menyatakan bahawa seni warisan mesti dilindungi. Omar Md Hashim, 67, percaya bahawa seni warisan boria tidak akan "mati" jika ahli kumpulan menggunakan media sosial untuk mendedahkan budaya itu kepada masyarakat. Beliau tidak mahu boria hanya disimpan di muzium atau di internet; sebaliknya, dia mahu boria kekal sebagai seni negeri Pulau Pinang dan diwariskan kepada generasi akan datang.

Lakonan atau komedi dan nyanyian adalah dua komponen utama persembahan boria. Dalam menentukan mutu persembahan, kedua-dua bahagian ini bergantung satu sama lain. Pada mulanya, pelakon boria hanya lelaki. Pelakon lelaki yang mewakili wanita yang ditimbulkan dalam cerita akan memakai pakaian wanita sambil merendahkan suaranya untuk mengelakkan suara mereka didengari oleh lelaki. Wanita biasanya menyanyi dalam kumpulan boria. Walau bagaimanapun, pasukan boria wanita mula wujud sejak tahun 1950-an. Lakonan akan penuh dengan lawak jenaka yang dirancang untuk membuat penonton tertawa.

Sebuah elemen penting dalam persembahan boria, menurut Ghouse Nasaruddin (2000), adalah tarian yang dilakukan oleh sekumpulan sailor yang terdiri daripada lelaki dan wanita atau sebaliknya. Tambahan pula, menurut Syed Akir (2005), tarian boria mempunyai pergerakan tarian yang pantas seperti rumba, zapin, inang, dan sebagainya. Selain itu, tarian sailor memerlukan kostum untuk melakukan pergerakan mereka. Walau bagaimanapun, rekaan kostum dicipta dengan menggabungkan pelbagai gerak tari. sejak akhir abad kedua puluh. Kostum sailor mula berkembang dan berubah, seperti sedondon, kontras warna dan kreatif.

Dalam bukunya Teater Tradisional Melayu, Mohd Ghazali Abdullah (1995) menyatakan bahawa Tentera Rejimen Madras yang ke-21 membawa boria ke Pulau Pinang pada tahun 1845 dan kemudiannya ditempatkan di kubu pertahanan. Beliau juga menyatakan bahawa East India Company telah menghantar pekerja dari wilayah India Chulia dan Beri ke Pulau Pinang. Teater boria tradisional Pulau Pinang ini bermula dengan kedatangan orang dan tentera Madras.

Dalam bukunya Sejarah Boria, Mohamad Ishak Abdul Aziz (1979) menyatakan bahawa kumpulan boria biasanya terdiri daripada 40 hingga 60 orang dan terdiri daripada kaum lelaki tauke (penaja), pengurus, tukang karang, penari (sailor) dan juga pemuzik.

Menurut Mohamad Ishak Aziz (1979), boria tidak menggunakan skrip pada peringkat awal cerita di teater, dan lakonan yang mereka persembahkan juga adalah secara spontan. Oleh itu, penonton akan mempunyai peluang untuk berinteraksi dengan pelakon melalui dialog yang disampaikan. Selain itu, beliau menyatakan bahawa unsur komedi adalah penting untuk menghasilkan persembahan yang berkualiti. Walaupun elemen penting adalah unsur lawak jenaka, ia masih mengekalkan unsur-unsur pendidikan, moral dan nilai-nilai murni yang tinggi dalam penyampaian cerita dengan betul.

2.2 NILAI MURNI

Definisi nilai murni ialah peradaban, etika peribadi, dan tingkah laku manusia yang baik dalam hubungan dengan Tuhan, manusia, dan alam. Menurut Wan Mohd. Zahid, nilai murni adalah idea tentang apa yang diinginkan dan pada masa yang sama berfungsi sebagai norma dan piawaian.

"Nilai-nilai murni masyarakat biasanya berlandaskan agama. Malah, matlamat semua agama adalah untuk menjadikan kehidupan penganutnya baik dan mulia." (Wan Mohd. Zahid, 1988)

Secara keseluruhan, pelajar dan masyarakat dapat menerima nilai ini dengan baik. Laporan Kabinet 1989 (Lapran Mahathir 1979) mula secara rasmi menekankan penggunaan prinsip murni dalam pendidikan. Semasa beliau menjadi Setiausaha Jabatan Pendidikan, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah membuat kenyataan dalam FPN dan KBSM untuk menggalakkan pelajar menjadi orang yang seimbang dan harmonis, bukan sahaja dari segi intelektual tetapi juga dari segi rohani. Beliau juga memperkenalkan tema nilai murni yang harus digunakan oleh guru-guru untuk melahirkan orang yang seimbang dari segi fizikal, mental dan emosi.

2.3 RANGKAP KARANGAN

Rangkap karangan boria lebih dikenali sebagai nyanyian lagu boria. Ini adalah hasil daripada fakta bahawa setiap rangkap mempunyai hujung suku kata yang sama. Tukang karang yang menyanyikan lagu boria mesti mempunyai hubungan dengan tema persembahan. Walau bagaimanapun, susunan seni kata lagu boria mempunyai rima yang serupa dengan syair: a, a, a, dan a. Dalam lagu boria, rangkap pertama biasanya menampilkan kumpulan boria dan berfungsi sebagai korus. Berikut ialah beberapa contoh rangkap karangan lagu boria yang dicipta oleh kumpulan Boria Omara yang terletak di negeri Pulau Pinang:

1.

Nindia mai dah, Boria kita

Meriah sakan, tidak terkata

Jika tak kenai, tentu tak cintata

Boria Omara, punya cerita

2.

Pulau Pinang, tempat utama

Bertapak boria, sekian lama

Kita warisi, berama-sama

Budaya seni, hebat ternama

Hujung sukukata akhir akan berbunyi ta, dan ma.

Kebiasaannya, rangkap karangan bagi part awal, korus dan akhir akan dinyanyikan oleh sailor. Sebagai contoh rangkap karangan yang akhir oleh kumpulan Boria Omara di Pulau Pinang seperti berikut:

9.

Semoga boria, tak akan hilang
Seninya indah, bukan kepalang
Warisan budaya, terus dijulang
Sudah menjadi. Warisan terbilang

10.

Sekian sahaja, sikit maklu~~mat~~
Karangan kami, berakhir ta~~mat~~
Tuan Puan, tabik dan hor~~mat~~
Boria Omara, ucapkan sela~~mat~~

Rangkap terakhir ini akan dinyanyikan oleh sailor sebagai penutup nyanyian dan persembahan boria.

Inilah yang memberikan kelebihan dan indahnya boria. Rangkap karangan boria amat penting untuk membezakan sesuatu persembahan boria atau seni yang lain.

2.4 LAGU

Lagu atau ungkapan yang berbentuk melodi dan irama yang dilontarkan melalui lisan dikategorikan sebagai sastera lisan. Seperti yang diketahui bahawa sastera lisan ini merupakan sebahagian daripada tradisi yang berkembang di tengah kalangan masyarakat sebagai cabang kesenian dan medium hiburan yang sering digemari dalam kehidupan seharian.

Lirik lagu sebagai salah satu unsur pembangun dalam lagu atau muzik yang dapat dikategorikan sebagai puisi dalam karya sastera. Hal tersebut sesuai dengan beberapa pengertian berikut iaitu Depdiknas (2008) menjelaskan bahawa lirik adalah karya sastera atau puisi yang berisi curahan perasaan peribadi. Manakala, Sylado (1984:95) menyatakan bahawa lagu merupakan alunan muzik yang disertakan dengan seni kata lirik dan diungkapkan melalui perasaan dan pemikiran pengarang.

Usaha pengkarya dalam menghasilkan sesebuah lagu melalui ungkapan pemikiran dan perasaan untuk menghayati kejadian yang ada disekitarnya sama ada apa yang dialaminya mahupun apa yang terjadi kepada orang lain dalam tamadun masyarakatnya. Di samping itu, lirik lagu tersebut juga menggambarkan peristiwa yang berlaku ketika itu yang telah digubah sebaht bait-bait lagu untuk menggambarkan perasaan yang dirasa dan dilaluinya.

Sesebuah lagu akan menjadi kuat dan utuh apabila adanya lirik yang baik dan berkesan dengan beberapa unsur-unsur yang menyokongnya. Hal ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada lagu itu ke arah kemantapan dan nilai penerimaan masyarakat pendengarnya. Selain itu, lirik lagu yang dihasilkan dijadikan sebagai saluran aliran yang memiliki fungsi sosial dan fungsi individual dalam menerangkan kisah atau pemikiran sesebuah kelompok masyarakat.

2.5 LIRIK LAGU BORIA OMARA

2.5.1 BARISAN HADAPAN

1.
Ada cerita, ada jenaka
Disusun diisi, indah belaka
Riuh meriah, serba aneka
Mai chek mai, ramai yang suka
2.
Barisan hadapan, tajuk cerita
Ramai terdapat, di merata rata
Mari semua, pi turut serta
Demi untuk, Malaysia tercinta
3.
Memang patut, di puja dipuji
Kepada bangsa, ditunai janji
Kesetiaan kita, kini diuji
Dihargai semua, tidak dikaji
4.
Inilah dia, barisan hadapan
Segak bergaya, kacak dan tampan
Dengan tujuan, satu harapan
Dalam hati, disemat disimpan
5.
Ada juga, menjadi RELA
Boleh dipanggil, tak kira bila
Pakaian seragam, kemaslah pula
Tambah menarik, topi di kepala
6.
Barisan hadapan, sejak dahulu
Tanpa mengira segan, dan malu
Dimana sahaja, mereka lalu
Ditolong dibantu apa yang perlu
7.
Tanpa mengira, penat dan lelah
Tidak dibuat, tipu dan lelah
Mereka tak pernah mengaku kalah
Jasa mereka, hebat terserlah
8.
Bersyukur kita, kepada Tuhan
Barisan hadapan, tetap bertahan
Mengikut aturan, serta arahan
Selamat semuanya, mudah-mudahan
9.
Mai Cek Mai, berakhir sudah
Cerita dihidang, sebagai juadah
Lagu karangan, disusun mudah
Warisan Boria, seninya indah

2.5.2 SKIM CEPAT KAYA

1. Tuan Puan, saudara saudari
Mai Chek Mai, nama diberi
Ada sketsa, nyanyi dan tari
Warisan Boria, tambahkan seri.
2. Siapa tak mau, nak jadi kaya
tapi jangan, cara bahaya
di sini naga, di sana buaya
fikir dahulu, jangan percaya
3. Ramai sudah, menjadi mangsa
tanpa dirampas, tanpa dipaksa
ditipu mereka, yang tidak berdosa
harta benda, hilang binasa
4. Kehidupan indah, dah huru hara
Skim Cepat Kaya, punya angkara
Timbul duka, hilang gembira
nak makan minum, hilang selera
5. Eloklah kita, berhati hati
Siasat dahulu, dikenal pasti
Cari fakta, carilah bukti
Nafsu tamak, jangan turuti
6. Rangkap karangan, disusun dicipta
Bukan sekadar, hiburan semata
Warisan Boria, kesenian kita
Mai Chek Mai, menutup cerita.

2.5.3 WABAK

1.
Mai Chek Mai, bersama sama
Sketsa dan boria, warisan utama
Riuh rancak, lagu bergema
Disusun rangkap, dengan irama
2.
Kisah Wabak, melanda pula
Di mana mana, ada gejala
Semua pihak, dah pening kepala
Hendak tamat, entahkan bila
3.
Bila sakit, tiba melanda
Ia tak kenal, tua ka muda
di sini di sana, ia berada
Kita semua, kena waspada
4.
Wabak covid, kini kemari
Dia datang, tanpa dicari
Ikut sahaja, arahan diberi
Jaga kesihatan, setiap hari
5.
Disuntik vaksin, untuk mencegah
Pada yang lemah, atau pun gagah
Anti vaksin, usah bermegah
Jangan diberi, fakta bercanggah
6.
Kita hapuskan, bersama-sama
Supaya wabak, tak kekal lama
Segala nasihat, kita terima
Kesihatan semua, tujuan utama
7.
Bahaya wabak, bergerak cepat
Bukan masanya, mengata mengumpat
Cari fakta, yang lebih tepat
Dengar nasihat, segala pendapat
8.
Ramai rakyat, telah mengerti
Sama pendapat, bersatu hati
Cari fakta, yang lebih tepat
Semoga hidup, lebih bererti
9.
Inilah boria, warisan kita
Adanya nyanyian, adanya cerita
Rangkap karangan, sudah dicipta
Salah dan silap, maaf dipinta

2.5.4 PEMANDU MABUK

1.
Tuan Puan, saudara saudari
Mai Chek Mai, nama diberi
Sketsa nyanyian, gerak dan tari
Warisan Boria, turut menyeri
2.
Pemandu mabuk, tajuk cerita
Pernah berlaku, di merata rata
Bahaya terjadi, di hadapan kita
Baik di kampung, atau di kota
3.
Tak kira masa, atau pun waktu
Akal fikiran, menjadi buntu
Meluru laju, hala tak tentu
Dalam diri, dah masuk hantu
4.
Bawa kenderaan, macam terlena
Kemalangan terjadi, di sini sana
Inilah dia, suatu bencana
Hendak menyesal, tiada berguna
5.
Pemandu mabuk, sungguh bahaya
Cara dipandu, bermacam gaya
Mereka dah jadi, hilang upaya
Kita nak elak, tidak terdaya
6.
Bukan sahaja, dengan minuman
Ubat ubatan, juga ancaman
Boleh jadi, hilang pedoman
Sekali pandang, kurang siuman
7.
Kita pun kena, berhati-hati
Pemandu mabuk, dikenal pasti
Tabiat begini, patut dihenti
Kehidupan kita, biar bererti
8.
Jagalah diri, bersama-sama
Sambil turuti, ajaran Agama
Keselamatan, tujuan utama
Harapan kita, selama lama
9.
Warisan Boria, kisah dah tamat
Semoga semuanya, aman selamat
Hidup damai, syukur dan nikmat
Kepada semua, salam dan hormat

2.5.5 MELANCONG DALAM NEGERI

1.
Inilah dia, kisah mai chek mai
Menarik sakan, pilihan ramai
Semua bahagia, rukun dan damai
Warisan Boria, indah nan permai
2.
Apalah guna, ke luar negara
Jika hanya, untuk gembira
Tepuk dada, tanya selera
Belanja banyak, tidak terkira
3.
Indah lah indah, negara orang
Negara sendiri, apa yang kurang
Kalau nak pergi, siapa tak larang
Fikir sejenak, dari sekarang
4.
Jika mampu, tidak mengapa
Kat mana saja, boleh di terpa
Tempat sendiri, jangan dilupa
Walau bezanya, tidak serupa
5.
Mai lah melancong, negara sendiri
Suasana indah, cantik berseri
Tetamu luar, ramai kemari
Boleh melawat, seluruh negeri
6.
Tempat peranginan, rendah dan tinggi
Jika tak melawat, tentulah rugi
Semua terdapat, segala segi
Sekali sampai, tentulah nak mai lagi
7.
Pilihan ramai, tua remaja
Di sini ada, apa sahaja
Tempat menarik, ramai teruja
Jimat duit, jimat belanja
8.
Apa lagi, hendak dikata
Jika dah kenal, tentulah cinta
Inilah negara, asalnya kita
Boleh pi ronda, merata-rata
9.
Demikian tamat, rangkap karangan
Destinasi Malaysia, dilupa jangan
Jari disusun, dilambai tangan
Irama boria, lagu iringan

2.5.6 MEDIA SOSIAL

1.
Mai chek mai, kisah berlaku
Di Warong Cendol, punyalah laku
Sambil berdiri, duduk dibangku
Pelbagai gelagat, serta kelaku
2.
Media sosial, tajuk utama
Kita kupaskan, bersama sama
Walau yang baru, atau yang lama
Kita semua, patut terima
3.
Jika kita, salahlah guna
Hidup jadi, serba tak kena
Huru hara, di sini dan sana
Apa dibuat, tidaklah kena
4.
Media sosial, diguna merata
Baik di desa, atau dikota
Untuk kemudahan, rakyat jelata
Marilah jaga, sesama kita
5.
Gunakan pada, perkara berguna,
Biar hidup, lebih bermakna
Apa jua, sebarang suasana
Memudahkan kita, di sini dan sana
6.
Tiktok youtube, semua pun ada
Muka buku, pelbagai tanda
Jadi pilihan, tua dan muda
Elok diguna, sambil waspada
7.
Media sosial, diguna berniaga
Dapat keuntungan, tidak terduga
Dihebah ditular, tidak terhingga
Rezeki masuk, terasa lega
8.
Inilah anugerah, di zaman ini
Pilihan ramai, lagi terkini
Telah digunakan, disana sini
Hendaklah rajin, juga berani
9.
Mai Cek Mai, menutup acara
Untuk hiburan, saudara saudara
Salam hormat, salam sejahtera
Warisan Boria, dari utara

2.5.7 MADU EMPAT

1. Mai Chek Mai, punya cerita
Irama boria, warisan kita
Sketsa jenaka, riuh gempita
Lagu disusun, melodi dicipta
2. Bukan mengata, tidak mengumpat
Ini dia kisah, madu empat
Jarang jarang, sekali dapat
Nak lebih isteri, selagi sempat
3. Ada berlaku, di zaman ini
Hendak heboh, tidak berani
Senyap di sana, sepi di sini
Dengar-dengar, dah lebih bini
4. Perbuatan begini, tidaklah salah
Hendak cukupkan, angka jumlah
Niat jangan, dibuat helah
Ini puncanya, jadi berbalah
5. Awas semua, kena waspada
Elok menurut, rukun yang ada
Semua dapat, lapangkan dada
Kapal belayar, satu nakhoda
6. Bukan senang, kahwin dan nikah
Awas jangan, tersalah langkah
Tidak betul, berikan nafkah
Jadi berbalah, juga bertingkah
7. Ini bukannya, kisah merapu
Madu empat, untuk yang mampu
Bukan masanya, alasan dan tipu
Pada yang asal, elok ditumpu
8. Sedikit nasihat, juga disaran
Kepada semua, diberi teguran
Ambil iktibar, buat pengajaran
Ikut contoh, rakan dan jiran
9. Beginilah cerita, di sini sana
Rangkap karangan, penuh bermakna
Nyanyi dan tari, pelbagai warna
Warisan Boria, meriahkan suasana

2.5.8 KETAATAN KEPADA PEMIMPIN

1.
Inilah dia, mai chek mai
Kisah menarik, pilihan ramai
Riang harmoni, damai berdamai
Dalam Malaysia, indah dan permai
2.
Kepada pemimpin, bukti ketaatan
Selain raja, dan juga sultan
Harapan kita, si anaklah watan
Semoga negara, dapat keberkatan
3.
Pemimpin datang, pemimpin pergi
Sejak zaman, merdeka lagi
Taat setia, tak berbelah bagi
Anak Malaysia, menjunjung tinggi
4.
Dari rakyat, pemimpin yang ada
Dipilih semua, tua dan muda
Walau pegangan, ada berbeda
Kita terima, berlapang dada
5.
Bersedia hadapi, segala diuji
Sifat begini, harus dipuji
Taat setia, mengotakan janji
Bukan sekadar, duit dan gaji
6.
Para pemimpin, harapan negara
Bersama rakyat, satu suara
Ibarat kita, dalam bahtera
Dalam kibaran, satu bendera
7.
Pemimpin ada, di mana-mana
Di rumah tangga, di sini sana
Mereka di bawah, tetap bermakna
Jangan dibuat, serba tak kena
8.
Berbaik baiklah, sesama kita
Demi untuk, negara tercinta
Juga pada, rakyat jelata
Tiada curiga, tiada sengketa
9.
Irama Boria, indahny tari
Berwarna warni, lagi berseri
Langkah diatur, kanan dan kiri
Persembahan kami, mengundur diri.

2.5.9 KERA DI HUTAN DISUSUKAN

1. Salam hormat, salam sejahtera
Mai Chek Mai, loghat utara
Lokasi menarik, menjamu selera
Semoga semua, riang gembira
2. Kisahnya pelik, pening kepala
Ini dia peribahasa, dahulu kala
Kera di hutan, disusukan pula
Anak sendiri, tak tentu hala
3. Telah heboh, di merata rata
Terjadi kepada, masyarakat kita
Melihat hanya, sebelah mata
Jika tak betul, orang tak kata
4. Pekerja luar, ramai sekali
Banyak perkara, di monopoli
Orang kita, kurang perduli
Bilalah agaknya, berubah kembali
5. Apa sahaja, kita perhati
Memilih kerja, berhati hati
Sepatutnya kita, lebih teliti
Semoga rakyat, hidup bererti
6. Disini tempatnya, kita berdiri
Kita dahulukan, orang sendiri
Rezeki dapat, sama memberi
Barulah hidup, kembali berseri
7. Wahai semua, para majikan
Orang sendiri, kita dahulukan
Barulah senang, mencari makan
Usah ditindas, usah ditekan
8. Kisah dicanang, riuh dihebah
Inilah masanya, kita berubah
Barulah senang, mencari makan
Usah ditindas, usah ditekan
9. Inilah boria, warisan seni
Masyhur sudah, dahulu dan kini
Membawa mesej, ke sana sini
Semoga semua, damai harmoni

2.5.10 BERBUDI KEPADA TANAH

1.
Mai Cek Mai, kita bersama
Warisan Boria, kini bergema
Sketsa dan karangan, fakta utama
Boria Pulau Pinang, rancak irama
2.
Tuan Puan, pemuda pemudi
Kepada tanah, kita berbudi
Biar lenguh, tulang dan sendi
Bercucuk tanam, semua menjadi
3.
Jangan malas, hendak bertani
Di biar tanah, tiada penghuni
Pergi ke sana, pergi ke sini
Sedih tanah, kosong begini
4.
Hendak kaya, dengan segera
Cadang dijual, untung dikira
Inilah tamak, punya angkara
Berpakat dengan, saudara mara
5.
Lama dibiarkan, tumbuh cendawan
Dapat tawaran, hati tertawan
Dipasang angan, jadi jutawan
Heboh sekampung, rakan dan kawan
6.
Sepatutnya kita, hargai tanah
Dijaga elok, sebagai amanah
Impian keluarga, jangan dimusnah
lanya kaya, dengan khazanah
7.
Tanah terbantang, di hidang di saji
Apa yang elok, harus dikaji
Sifat begini, memang terpuji
Bukan sekadar, termakan janji
8.
Bersyukur kepada, Tuhan yang esa
Berikan rezekinya, setiap masa
Kepada tanah, kita berjasa
Usah dinanti, esok ke lusa
9.
Rangkap karangan, disusun indah
Kepada semua, sebagai juadah
Berupa nasihat, cerita didedah
Warisan Boria, tamatlah sudah

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bab ini menerangkan hal yang berkaitan kaedah penyelidikan yang akan diaplikasikan oleh penyelidik dalam proses pengumpulan dan analisis data kajian. Di dalam bab ini juga, penyelidik akan menerangkan dengan lebih jelas mengenai kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan nilai murni dalam lagu yang dipersembahkan dalam persembahan boria.

Menurut Hornby (1985), metodologi kajian merupakan satu set kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ke atas subjek tertentu. Oleh itu, bahagian ini akan membincangkan tentang reka bentuk kajian sampel kajian, instrumen kajian dan prosedur atau proses menganalisis data supaya dapat menghasilkan buku yang dapat menyokong sesuatu kajian serta merumuskan apa yang dikaji.

Proses penyelidikan adalah satu kegiatan pengumpulan, pengolahan dan analisis data yang dilakukan secara sistematik dan cekap untuk mengetahui sesuatu persoalan. Maka, tujuan menjalankan kajian ini adalah untuk memperoleh jawapan melalui penggunaan suatu langkah ilmiah yang sistematik.

Oleh yang demikian, mana – mana kajian sangat penting menggunakan kaedah metodologi sebagai cara untuk memperoleh sesuatu dapatan. Mana – mana kajian memerlukan kaedah metodolgi sebagai cara untuk memperoleh dapatan. Metodologi yang digunakan pula memerlukan teknik yang bersistematik bagi menepati kehendak ilmiah, kaedah saintifik dan mempunyai kualiti. Untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya, penyelidik akan menggunakan teknik – teknik dengan betul agar kajian dapat dilakukan dengan teliti dalam semua aspek. Bentuk kajian yang dimaksudkan ialah kajian perpustakaan (library research) dan kajian lapangan (field research). Gabungan kedua – kedua bentuk kajian ini amat sesuai dengan kaedah kajian masa kini yang mementingkan kedua – dua elemen tersebut.

3.1 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Ia juga berfungsi sebagai panduan bagi membantu penyelidik dalam proses menganalisis dan mentafsir cerita dan data untuk dijadikan sebagai rujukan akan datang. Oleh hal yang demikian, kajian ini adalah untuk mengkaji nilai murni dalam lagu Boria Omara di Pulau Pinang. Maka reka bentuk kajian ini dibina berdasarkan objektif kajian. Justeru itu, pengumpulan data yang diperolehi dan dianalisis dapat dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif.

3.1.1 PENDEKATAN KUALITATIF

Pendekatan kualitatif adalah bentuk tindakan sosial dalam aspek penafsiran gaya hidup manusia yang menelusuri pengalaman dalam sesebuah adat masyarakat itu seperti menjalankan temuramah, pemerhatian, soal selidik, analisis data visual, teks, sejarah lisan, jurnal dan banyak lagi (Zohrabi, 2013). Melalui pendekatan kualitatif, pengkaji mendapat maklumat secara langsung daripada responden atau informen yang ditemuramah.

3.2 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data bagi mendapat maklumat berkaitan kajian. Terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder.

3.2.1 DATA PRIMER

Bagi melengkapkan kajian terhadap tajuk yang dipilih, pengkaji telah memilih untuk mengumpul data berkaitan kajian ini melalui kaedah pengumpulan data primer. Melalui kaedah ini, pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian melalui beberapa kaedah iaitu pemerhatian dan temubual.

A) PEMERHATIAN

Di dalam bahagian ini, akan diterangkan tentang kaedah yang terpenting yang penyelidik guna pakaikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling penting sehingga kajian selesai. Berdasarkan apa yang diperolehi oleh penyelidik melalui kaedah pemerhatian, penyelidik akan bermula dengan melihat serta memantau persembahan boria yang terdapat di Dewan Jkkk Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang. Hal ini kerana, Dewan Jkkk Seberang Jaya merupakan lokasi yang terbaik untuk penyelidik melakukan kajian ini. Selain itu,

penyelidik sangat menitikberatkan nilai – nilai murni dalam lagu Boria Omara. Hal ini kerana, setiap persembahan boria mempunyai nilai – nilai murni baik yang harus dipertontonkan kepada penonton.

B) TEMUBUAL

Mengikut L. “An interview is a piece of social interaction with one person asking another a number of question and the other person giving answer,” kata Baker (1999). Temu bual ialah prosedur kutipan data di mana dua atau lebih individu berhadapan antara satu sama lain atau bertentang mata dengan satu sama lain. Dalam sesi temu bual juga akan disediakan beberapa soalan mengenai kajian yang ingin dilaksanakan, kandungan isi yang dilontarkan serta menggunakan bahasa yang sopan serta teratur bagi penemubual faham akan tujuan yang ingin disampaikan. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan pelbagai kaedah temubual untuk mendapatkan hasil berdasarkan matlamat yang dinyatakan. Kaedah temubual ini akan dijalankan di Dewan Jkkk Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang. Kajian temubual ini dijalankan oleh pengkaji kepada seseorang yang mahir dalam bidang tertentu terutamanya dalam persembahan boria dan mereka yang menyertai persembahan sahaja.

3.2.2 DATA SEKUNDER

Pada peringkat awal penyelidikan, proses yang perlu dilakukan ialah melalui pengumpulan data sekunder seperti jurnal, tesis-tesis lepas dan buku. Kaedah ini juga diklasifikasikan sebagai kajian perpustakaan. Proses perolehan data sekunder ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dalam penyelidikan ini. Proses ini melibatkan proses pembentukan tajuk, objektif dan batasan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji. Kaedah yang akan digunakan adalah seperti berikut:

A) PERPUSTAKAAN

Kajian perpustakaan ialah sebuah penulisan yang bertujuan untuk mengulas isi ilmu termasuklah penemuan kajian dan juga secara teori dan kaedah sumbangan mengenai sesuatu topik. Kaedah ini digunakan melalui rujukan buku-buku sebagai contoh buku yang berkaitan dengan boria dan jurnal-jurnal ilmiah iaitu rujukan tesis pengkaji lepas yang berkaitan dengan analisis ini dan jurnal-jurnal ilmiah iaitu tesis-tesis pengkaji lepas daripada perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan (kampus Bachok), Perpustakaan Awam Negeri Kedah dan Arkib Negeri Kedah.

B) SUMBER ILMIAH

Kajian ini juga turut menggunakan sumber ilmiah yang dikumpul melalui internet, majalah, artikel dan banyak lagi. Penggunaan internet adalah untuk mencari beberapa maklumat dari jurnal yang diperolehi iaitu yang telah dibuat kajian oleh pengkaji-pengkaji lain yang berkenaan dengan persembahan boria serta nilai-nilai murni.

3.3 ANALISIS DATA

Pada peringkat akhir ini, melibatkan proses penganalisan data daripada sumber data primer. Penggunaan kaedah analisis yang sesuai adalah penting untuk memastikan data primer yang telah digunakan dapat dijelaskan kepada hasil dapatan penyelidikan dengan betul dan lengkap. Maka, kaedah jenis kualitatif ini sesuai digunakan untuk penyelidik membuat analisis data secara deskriptif. Analisis yang dibuat sesuai untuk menerangkan semua data yang telah dikumpulkan dan diterjemahkan semula dalam bentuk penulisan. Oleh itu, analisis data secara deskriptif dapat dilakukan apabila penyelidik telah memperoleh semua data dengan lengkap dan digunakan untuk menjelaskan dan menghuraikan semua maklumat yang diperolehi dalam bentuk penulisan.

3.4 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian mengenai nilai lagu boria omara di Pulau Pinang memerlukan kaedah yang telah dihuraikan di atas. Hal ini kerana, untuk memudahkan penyelidik dalam mendapatkan maklumat secara lebih terperinci dari responden yang terlibat. Kaedah yang digunakan ini sangat penting bagi penyelidik untuk dijadikan rujukan kemudan hari.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan menjawab dan menghuraikan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada data-data yang telah dikaji. Pengkaji juga akan menyenaraikan semua analisa dan dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian ini. Hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada pengkaji ialah melalui kaedah yang telah disenaraikan iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah pemerhatian. Oleh yang demikian, secara tidak langsung akan menjawab setiap objektif yang ingin dicapai.

4.1 LATAR BELAKANG INFORMAN

- Omar bin Md. Hashim atau nama gelarannya adalah Omara. Beliau berumur 70 tahun. Beliau merupakan pengasas Boria Omara sejak 40 tahun yang lalu.
- Yusof bin Md. Hashim adalah adik kepada Omar bin Md. Hashim. Beliau berumur 68 tahun. Beliau merupakan pembantu Boria Omara ini.
- Sharifah Juairiah binti Syed Jamal. Beliau berumur 55 tahun dan merupakan pengurus kepada Boria Omara ini.

4.2 SEJARAH PERKEMBANGAN BORIA

Berdasarkan sumber internet, boria dikaitkan dengan peristiwa Karbala iaitu peristiwa pembunuhan Saidina Hassan dan Hussein r.a putera kepada Saidina Ali (cucu Nabi Muhammad s.a.w) oleh tentera-tentera Muawiyah bin Abi Suffian. Kematian Saidina Hussein r.a yang penuh tragik itu diperingati oleh kaum Syiah dengan mengadakan upacara perkabungan tahunan khusus pada 10hb. Muharam di perkuburannya. Upacara itu dikenali sebagai Takziya atau Ta'ziya.

Boria ini mula dibawa masuk oleh orang India-Muslim yang bersefahaman Syiah ke Tanah Melayu dan mula bertapak di Pulau Pinang iaitu sekitar abad ke-19. Ketika itu boria hanya disambut oleh orang-orang Islam iaitu masyarakat India manakal orang Melayu tempatan hanya menjadi penontonnya sahaja. Lama-kelamaan mereka semakin berminat terhadap boria dan akhirnya diambil alih oleh orang-orang melayu.

Boria telah digunakan sebagai satu medium bagi menuntut hak kedaulatan bangsa dan negara bagi menaikkan semangat perjuangan masyarakat Melayu pada waktu itu. Ia bukan sahaja menjadi tradisi dikalangan masyarakat Meelayu tetapi turut didukung oleh hampir semua kaum pada masa itu khususnya di Pulau Pinang. Oleh yang demikian, boria merupakan teater tradisonal yang terbuka untuk semua masyarakat dan berkembang tanpa batas.

4.3 MENGAJAI LATAR BELAKANG DAN SEJARAH BORIA OMARA DI PULAU PINANG.

Menurut temubual bersama pengasas Boria Omara ini iaitu Omar bin Md. Hashim, beliau mengatakan bahawa Boria Omara di Pulau Pinang ini bermula ketika beliau berada di tahun 5 pada 1965, beliau dipilih oleh guru untuk pertama kalinya bagi menubuhkan kumpulan boria untuk persembahan di sekolah. Beliau sendiri menubuhkan kumpulan boria dan telah melantik diri sendiri sebagai ketua bagi mengendalikan boria ini serta mengajak rakan-rakan sedarjah untuk turut terlibat dalam persembahan boria ini. Beliau juga yang menulis rangkap karangan boria dan turut terlibat sebagai pelakon sketsa serta sailor dalam persembahan boria itu. Ketika bersekolah di Sekolah Dato' Onn pada tahun 1976 pula, beliau menyertai kumpulan boria Sekolah Dato' Onn, Butterworth di peringkat Negeri Pulau Pinang dan telah menjuarai boria pada masa itu. Selepas SPM, beliau telah mengikuti rakannya untuk menyertai kumpulan Boria Belia iaitu Boria Bisma, kumpulan Boria Bisma ini telah menyertai pertandingan tetapi gagal mendapat tempat, tetapi itu bukan menjadi penghalang untuk beliau teruskan minat terhadap boria.

Disebabkan minat yang mendalam terhadap boria, beliau telah menyertai Kumpulan Senibudaya dan Drama Rakyat (KUDRAT) dan pernah memegang jawatan Naib Yang Dipertua dan telah dilantik menjadi Yang DiPertua dalam (KUDRAT). Kumpulan ini sangat aktif di Pulau Pinang dan juga Seberang Perai serta pernah memenangi beberapa pertandingan. Di dalam kumpulan boria ini, beliau yang menulis rangkap karangan boria dan turut serta membantu dalam pengurusan. Ketika tahun 2000an, kumpulan boria beliau mempunyai pelbagai

nama antaranya adalah Kumpulan Boria Pulau Pinang, Kumpulan Boria Warisan Budaya, Kumpulan Boria Klasik, Kumpulan Boria Warisan Boria dan banyak lagi. Sekitar tahun 2009, ketika pihak televisyen ingin melakukan rakaman boria di Pulau Pinang dan bertanya nama kumpulan boria, beliau secara tiba-tiba memberikan nama kumpulan Boria Omara. Akhirnya beliau meneruskan nama kumpulan Boria Omara sebagai nama kumpulan rasmi beliau. Berkat nama kumpulan Boria Omara ini, kumpulan beliau telah dikenali ramai di seluruh negeri Pulau Pinang dan juga luar Pulau Pinang.

Kumpulan Boria Omara ini telah melakukan kelainan terhadap gerakan tarian mereka kepada gerakan yang lebih bersemangat dan lincah. Menurut beliau, asalkan tidak salah dari segi peraturan boria, beliau akan menambahbaikkan persembahan mengikut peredaran zaman agar persembahan boria diminati oleh semua generasi muda.

Tuan Omara pernah memperoleh anugerah Tokoh Seni Budaya Karyawan Boria pada tahun 2014, Tokoh Seni Budaya Politeknik Boria pada tahun 2014, Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang pada tahun 2016, Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup (WAKOH) pada tahun 2018, Tokoh Seni Budaya Maal Hijrah Pemenang pada tahun 2019, Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat George Town World Heritage pada tahun 2020, Cultural Heritage Events And Activities Ghazal Party GTWHI pada tahun 2020 dan Kumpulan Boria Omara Pulau Pinang Cultural Continuty Recognition GTWHI pada tahun 2020.

4.4 MENGENALPASTI ASPEK-ASPEK YANG TERDAPAT DALAM SENI PERSEMBAHAN BORIA DI PULAU PINANG

4.4.1 ORGANIASI KUMPULAN

Menurut Mohamad Ishak Abdul Aziz (1979) kumpulan boria biasanya terdiri daripada 40 hingga 60 orang. Ahli-ahlinya ialah kaum lelaki yang terdiri daripada tauke (penaja), pengurus, tukang karang, penari (sailor) dan pemuzik. Menurut Umi Abdullah (2003): sesebuah kumpulan boria pada masa dahulu mengandungi 40 hingga 60 orang termasuk tauke (penaja), tukang karang, kelasi dan pemuzik. Kesemua ahli terdiri daripada lelaki. Namun, selepas Perang Dunia Kedua, barulah terdapat penglibatan wanita dalam kumpulan boria.

Sesebuah kumpulan boria sering kali dibiayai oleh seorang tauke. Mereka bukan sahaja terdiri daripada orang Melayu, tetapi juga orang Cina yang kaya dan sering menjadi tumpuan anak-anak muda untuk dipujuk menjadi tauke. Kejayaan mementaskan persembahan boria menjadi lambang berprestij pada ketika itu. Oleh itu, ketiadaan kumpulan boria dalam sesebuah kampung atau mukim akan dianggap sebagai sesuatu yang boleh memalukan penduduk kampung berkenaan.

Selain tauke, orang yang turut memainkan peranan penting dalam kumpulan boria ialah Tukang Karang. Seorang Tukang Karang yang baik mesti berupaya membawakan lagu dengan sempurna, lantang dan terang. Keupayaan untuk memilih perkataan yang sesuai, terutama untuk memuji

tuan rumah adalah sesuatu yang sangat diharapkan untuk memancing derma yang lebih. Sebab inilah tukang karang menjadi nadi penggerak untuk sesebuah kumpulan boria. Pakaian tukang karang juga agak istimewa daripada ahli-ahli yang lain dalam kumpulan.

4.4.2 ALAT-ALAT MUZIK


Menurut temubual bersama Yusof bin Md. Hashim iaitu pembantu Boria Omara ini mengatakan bahawa peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan boria tidaklah begitu khusus. Aspek yang dipentingkan ialah keupayaan para pemuzik untuk membawakan irama yang dapat mengiringi nyanyian tukang karang. Lantaran itulah, kadangkadangkang alat muzik yang digunakan hanyalah gendang dan violin. Walau bagaimanapun, seandainya lebih banyak alat muzik yang dapat digunakan semakin baiklah sesuatu persembahan itu. Di antara alat muzik yang sering digunakan ialah violin, gambus, marwas, tabla, simbal, gendang, akordion dan harmonika.



RAJAH 4.4.2.1: GAMBUS



RAJAH 4.4.2.2: AKORDION



Rajah 4.4.2.3: Simbal



Rajah 4.4.2.4: Tabla



Rajah 4.4.2.5: Gendang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4.3 LAKONAN

Menurut Umi Abdullah (2003) pada peringkat awal perkembangan boria di Tanah Melayu, seperti yang telah dimaklumkan, cerita-cerita yang dilakonan adalah berlegar tentang sekitar peristiwa Karbala dan kematian Saidina Hussein r.a. Cerita ini kemudian berubah menjadi cerita-cerita Arab yang berlandaskan Hikayat Seribu Satu Malam, cerita-cerita sejarah, kejadian semasa, cerita-cerita Cina dan India malah cerita filem seperti Tarzan dan Zorro. Pada masa sekarang tema yang paling popular ialah isu-isu kemasyarakatan dan kritikan sosial.

Berdasarkan temubual bersama Sharifah Juairiah binti Syed Jamal yang merupakan pengurus Boria Omara ini, beliau mengatakan bahawa lakonan yang ditampilkan adalah secara spontan. Skrip langsung tidak digunakan terutamanya pada peringkat awal perkembangan boria. Pengarah hanya akan bertindak memberitahu pelakon tentang tajuk dan juga jalan cerita yang hendak dimainkan oleh kumpulan berkenaan. Oleh itu, terserahlah kepada pelakon dan juga tukang karang untuk menjayakan lakonan di hadapan penonton. Di sini, seseorang akan dapat melihat keistimewaan para pelakon mematahkan cakap lawan dan menggeletek hati penonton.

Para pelakon dapat memanjang atau memendekkan lakonan menurut kemahuan mereka sendiri serta penyesuaian masa. Walau bagaimanapun, unsur kelucuan masih dianggap sebagai faktor yang amat

penting bagi setiap persembahan boria. Pakaian pelakon disesuaikan dengan cerita yang akan dimainkan, namun adakalanya mereka memakai pakaian yang beraneka ragam untuk menarik perhatian penonton. Penggunaan “props” juga sangat bergantung kepada cerita yang hendak dimainkan oleh sesebuah kumpulan boria. Pada awal tahun 60-an, timbul perkembangan baru dari segi pakaian. Kumpulan-kumpulan boria mula menggunakan pakaian seragam untuk menambahkan lagi daya tarikan bagi pertunjukkan mereka.

4.4.4 NYANYIAN

Tukang Karang biasanya mendahului para ‘sailor’ dan pemuzik masuk ke pentas sebaik sahaja lakonan berakhir. Menurut Umi Abdullah (2003) para pelakon yang mengambil bahagian pada awalnya tadi turut masuk sebagai kelasi. Terdapat kelasi yang membawa payung dan tongkat panjang yang mempunyai ‘genta’ iaitu (loceng) di bahagian hujungnya. Mereka menyanyi dan menari sambil memutarakan payung tersebut untuk menyerikan lagi persembahan.

Tongkat yang digunakan akan dihentak ke lantai dan ini seterusnya akan menyebabkan bunyi ‘genta’ iaitu (loceng) di hujung tongkat saling bertingkah dengan irama muzik yang dimainkan ketika mengiringi boria tersebut. Keadaan ini akan menambahkan lagi keasyikkan pendengaran penonton. Untuk menyerikan lagi kemeriahan suasana, ‘confetti’ (kertas warna-warni yang dipotong halus) ditabur manakala ‘streamers’ (seakan-

akan mercun ditarik) diletupkan dan bendera yang menjadi lambang kumpulan akan dikibarkan sewaktu korus dinyanyikan oleh kelasi. Para kelasi akan bergerak memenuhi ruang pentas tetapi pergerakan mereka terbatas iaitu tetap berada di belakang tukang karang dan pemuzik juga akan turut serta menari.

4.4.5 BENTUK, MELODI DAN TEKSTUR BORIA

Muzik bagi boria adalah berbentuk sinkretik dan menggabungkan elemen muzik dari negara-negara luar seperti Barat, Melayu, India dan juga elemen muzik serta peralatan muzik yang lain. Pada awal abad ke-20, bentuk bait lirik dengan variasi melodi lagu yang sama kepada rangkap yang berbeza digunakan.

Walau bagaimanapun, semenjak tahun 1950-an, melodi yang berbeza sering digunakan oleh tukang karang dan 'sailor' (kelasi iaitu penyanyi/penari latar) bagi menyaingi rangkap-rangkap lagu tersebut. Setiap lagi tersebut akan mempunyai pengenalan dan pengakhiran yang dihuraikan bagi mengiringi persembahan sewaktu para pembuat persembahan masuk dan keluar dari pentas.

Melodi yang dipilih sewaktu persembahan bermula dan berakhir sama juga seperti peranan tukang karang dan 'sailor' (kelasi iaitu penyanyi/penari latar) adalah diadaptasi daripada trend muzik yang popular. Namun, ada juga ketikanya lagu popular Melayu dan Barat akan dipersembahkan. Dengan penggunaan pensintesis pada tahun 1990-an,

banyak penyusunan jenis persembahan boria telah dihasilkan oleh ahli yang arif tentang muzik boria.

Ritma yang lazim digunakan adalah merupakan ritma popular Amerika Latin iaitu seperti cha-cha, rumba berentak perlahan, mambo dan foxtrot. Malah ritma tarian ini adalah merupakan ritma yang menjadi kebiasaan rutin yang digunakan di dalam seni persembahan boria. Tetapi, disebalik itu, muzik tradisi asal Melayu yang lain seperti inang, joget dan juga zapin tidak dilupakan dan tetap menjadi keutamaan.

Sebagai salah satu daripada bentuk persembahan kesenian yang menumpukan kepada masalah atau isu yang berkaitan dengan isu sosial, seni persembahan boria ini masih lagi menjadi antara seni persembahan yang popular bagi komuniti Melayu di Pulau Pinang. Menjadi antara penyumbang aliran yang tinggi bagi persekitarannya, ia telah turut melibatkan penggunaan struktur di dalam persembahan, tema tempatan, bentuk syair atau sajak tempatan, muzik tarian Barat yang popular dan juga ciri sebuah kumpulan yang menampilkan penggunaan elemen muzik dari Barat, Melayu, India, Arab dan juga alat muzik yang lain.

MALAYSIA

KELANTAN

4.5 NILAI MURNI DALAM LAGU BORIA OMARA DI PULAU PINANG

BARISAN HADAPAN

Rangkap 1

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap pertama, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

Rangkap 2

Berdasarkan rangkap dua ini, terdapat nilai murni cinta akan negara. Nilai cinta akan negara ialah perasaan sayang dan bangga kepada negara serta meletakkan kepentingan diri. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlulah cinta dan sayang kepada negara sendiri iaitu Malaysia.

Rangkap 3

Berdasarkan rangkap tiga ini, terdapat nilai murni menghargai jasa. Penghargaan terhadap sesuatu jasa, sumbangan atau pemberian. Kita perlulah menghargai jasa barisan hadapan kerana mereka telah berkorban nyawa untuk menjaga kita. Selain itu, nilai murni tabah. Ketabahan seseorang yang sanggup bertempur untuk mencapai tujuannya. Barisan hadapan mempunyai ketabahan yang tinggi kerana sanggup berjuang dan berkorban untuk negara.

Rangkap 4

Berdasarkan rangkap empat ini, terdapat nilai murni bertanggungjawab. Nilai bertanggungjawab yang membawa maksud kesanggupan seseorang untuk memikul serta melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. Sikap bertanggungjawab perlu ada dalam diri semua masyarakat supaya semua orang cakna dengan setiap yang berlaku.

Rangkap 5

Berdasarkan rangkap lima ini, terdapat nilai murni bersiap sedia. Bersiap sedia merujuk kepada pentingnya untuk selalu siap dan mempersiapkan diri dengan baik dalam menghadapi segala situasi ataupun tugas yang mungkin datang. Ini merangkumi kesediaan mental, fizik dan emosi untuk menghadapi cabaran. Dengan bersiap sedia, dapat membantu seseorang untuk menjadi lebih produktif dalam kehidupan peribadi mahupun profesional seseorang.

Rangkap 6

Berdasarkan rangkap enam ini, terdapat nilai murni bertanggungjawab. Bertanggungjawab merupakan keupayaan seseorang untuk memikul serta menjalankan tugas dan juga kewajipan dengan sempurna. Semua orang perlulah menggalas tanggungjawab yang besar dengan apa yang telah berlaku, sedang berlaku dan juga akan berlaku. Selain itu, nilai murni tolong-menolong. Amalan tolong-menolong merupakan kewajipan setiap individu. Dengan sikap tolong-menolong ini, kita dapat meringankan beban orang lain.

Rangkap 7

Berdasarkan rangkap ketujuh ini, terdapat nilai murni mengenang jasa. Penghargaan yang diberikan terhadap sesuatu jasa, sumbangan ataupun pemberian. Jasa orang yang telah membantu kita, perlulah dikenang dan patut diberi penghargaan atas setiap dibantu agar mereka rasa dihargai atas jasa mereka. Selain itu, nilai murni ketabahan. Nilai murni ketabahan merupakan kemampuan seseorang untuk tetap teguh dan tidak menyerah di tengah-tengah kesulitan, cabaran atau penderitaan. Ini merangkumi kekuatan mental, emosi dan fizik yang memungkinkan seseorang untuk menghadapi masalah dengan sikap keberanian, keteguhan dan juga tekad yang kuat. Orang yang memiliki ketabahan akan terus berjuang dan tidak menyerah meskipun dihadapkan pada rintangan yang besar atau kegagalan yang mendatang.

Rangkap 8

Berdasarkan rangkap lapan ini, terdapat nilai murni kesyukuran. Kesyukuran merujuk kepada keadaan hati yang penuh rasa syukur dan penghargaan terhadap segala hal yang dimiliki, baik besar mahupun kecil serta mempunyai kesedaran yang berkah dan nikmat yang diberikan dalam kehidupan. Ini bukan hanya tentang menghargai hal-hal yang positif tetapi juga mengenai tentang menerima dan bersyukur atas setiap pengalaman yang datang. Kesyukuran adalah memperkaya kehidupan seseorang dengan kedamaian, kegembiraan dan kesejahteraan yang mendalam serta menginspirasi orang lain untuk tetap berbagi kebaikan dengan yang lain.

Rangkap 9

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap sembilan, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SKIM CEPAT KAYA

Rangkap 1

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap pertama, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

Rangkap 2

Berdasarkan rangkap dua ini, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak.

Rangkap 3

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap ketiga ini, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 4

Berdasarkan rangkap empat diatas, terdapat nilai murni berfikiran logik. Nilai berfikiran logik mencerminkan kecenderungan seseorang berfikiran logik dalam memahami, menganalisis dan menghadapi pelbagai situasi. Ini melibatkan pemikiran yang rasional dalam membuat sesuatu keputusan. Orang memiliki nilai

ini lebih cenderung mengutamakan data dan fakta dalam berfikir untuk menghindari emosi yang tidak stabil.

Rangkap 5

Berdasarkan rangkap lima di atas, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak. Selain itu, terdapat nilai murni berfikir dahulu sebelum bertindak. Nilai berfikir sebelum bertindak ini adalah prinsip yang menekankan pentingnya untuk mempertimbangkan akibat dan implikasi dari tindakan sebelum melakukan sesuatu. Orang yang mempunyai nilai ini lebih cenderung menghindari tindakan impulsive atau terburu-buru dan mereka lebih suka merencanakan dan mempertimbangkan pelbagai aspek sebelum bertindak.

Rangkap 6

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap keenam ini, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

WABAK

Rangkap 1

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap pertama, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

Rangkap 2

Berdasarkan rangkap kedua ini, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas ini akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 3

Berdasarkan rangkap tiga di atas, terdapat nilai murni waspada. Waspada merujuk kepada kesedaran dan kewaspadaan terhadap potensi yang dianggap bahaya, ancaman atau risiko yang muncul dalam keadaan tertentu. Orang yang mempunyai nilai waspada ini lebih cenderung memperhatikan sekelilingnya untuk siap sedia bertindak cepat jika dalam keadaan berisiko. Dengan mempertimbangkan potensi risiko yang bakal datang, seseorang dapat mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk melindungi diri sendiri dan juga orang lain.

Rangkap 4

Berdasarkan rangkap empat di atas, terdapat nilai murni patuh kepada peraturan. Patuh kepada peraturan merujuk ketaatan dan kepatuhan terhadap aturan, peraturan dan juga norma-norma yang ditetapkan dalam suatu sistem atau lingkungan yang tertentu. Orang yang patuh kepada peraturan akan cenderung menghormati dan menetapkan aturan serta berusaha untuk mematuhi aturan tersebut dalam pelbagai situasi.

Rangkap 5

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap lima, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 6

Berdasarkan rangkap enam di atas, terdapat nilai murni menjaga kesihatan. Menjaga kesihatan merujuk kepada kesedaran, perhatian dan tindakan yang diambil untuk memelihara dan meningkatkan kesihatan fizik, mental dan emosi seseorang. Ini melibatkan penjagaan pola makan yang seimbang, berolahraga secara teratur, tidur yang cukup dan tidak merokok serta meminum minuman yang keras. Orang yang menjaga kesihatan akan mengutamakan kesejahteraan mereka sendiri dan juga orang lain kerana menyedari kesihatan adalah aset yang sangat berharga.

Rangkap 7

Berdasarkan rangkap tujuh di atas, terdapat nilai murni menjaga kesihatan. Menjaga kesihatan merujuk kepada kesedaran, perhatian dan tindakan yang diambil untuk memelihara dan meningkatkan kesihatan fizik, mental dan emosi seseorang. Ini melibatkan penjagaan pola makan yang seimbang, berolahraga secara teratur, tidur yang cukup dan tidak merokok serta meminum minuman yang keras. Orang yang menjaga kesihatan akan mengutamakan kesejahteraan mereka sendiri dan juga orang lain kerana menyedari kesihatan adalah aset yang sangat berharga. Selain itu, nilai bercakap benar. Bercakap benar merujuk kepada kejujuran dalam komunikasi dengan orang lain. Ini melibatkan kesediaan untuk mengatakan kebenaran tanpa menyembunyikan fakta atau memberikan informasi yang tidak benar.

Rangkap 8

Berdasarkan rangkap lapan di atas, terdapat nilai murni bersatu padu. Bersatu padu merujuk kepada kerjasama, solidariti dan sokongan antara individu dan kumpulan bagi mencapai tujuan bersama. Orang yang bersatu padu lebih cenderung mengutamakan kepentingan bersama serta bersedia untuk berkongsi pengetahuan, keterampilan dan sumber daya mereka bagi mencapai tujuan yang sama.

Rangkap 9

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap sembilan, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.



PEMANDU MABUK

Rangkap 1

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap pertama, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

Rangkap 2

Berdasarkan rangkap dua di atas, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak.

Rangkap 3

Berdasarkan rangkap tiga di atas, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak.

Rangkap 4

Berdasarkan rangkap empat di atas, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak.

Rangkap 5

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap lima, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 6

Berdasarkan rangkap enam di atas, terdapat nilai murni menjaga kesihatan. Menjaga kesihatan merujuk kepada kesedaran, perhatian dan tindakan yang diambil untuk memelihara dan meningkatkan kesihatan fizik, mental dan emosi seseorang. Ini melibatkan penjagaan pola makan yang seimbang, berolahraga secara teratur, tidur yang cukup dan tidak merokok serta meminum minuman yang keras. Orang yang menjaga kesihatan akan mengutamakan kesejahteraan mereka sendiri dan juga orang lain kerana menyedari kesihatan adalah aset yang sangat berharga.

Rangkap 7

Berdasarkan rangkap tujuh di atas, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak.

Rangkap 8

Berdasarkan rangkap lapan di atas, terdapat nilai murni berhati-hati. Nilai murni berhati-hati merujuk kepada sikap atau perilaku yang dimulakan dengan berhati-hati, cermat dan mempunyai pertimbangan yang matang dalam mengambil keputusan atau bertindak. Orang yang memiliki nilai berhati-hati lebih cenderung dalam mempertimbangkan akibat dari tindakan mereka dan berusaha untuk menghindari risiko yang boleh dielak.

Rangkap 9

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap sembilan, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

MELANCONG DALAM NEGERI

Rangkap 1

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap pertama, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh 'Sailor' yang akan berdiri di belakang tukang karang.

Rangkap 2

Berdasarkan rangkap dua di atas, terdapat nilai murni berjimat cermat. Nilai berjimat cermat merujuk kepada kesedaran ketika pengeluaran dan penggunaan sumber daya secara bijaksana serta kemampuan dalam mengurus kewangan dan aset dengan cermat dan efisien. Orang yang berjimat cermat lebih akan lebih mengambil kira setiap pengeluaran mereka agar dapat mengelakkan pemborosan.

Rangkap 3

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap ketiga, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 4

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap empat, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 5

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap lima, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 6

Berdasarkan kajian yang dilakukan terhadap rangkap enam, mendapati bahawa nilai-nilai murni tidak terdapat pada rangkap di atas, rangkap di atas akan dinyanyikan oleh tukang karang.

Rangkap 7

Berdasarkan rangkap tujuh di atas, terdapat nilai murni berjimat cermat. Nilai berjimat cermat merujuk kepada kesedaran ketika pengeluaran dan penggunaan sumber daya secara bijaksana serta kemampuan dalam mengurus kewangan dan aset dengan cermat dan efisien. Orang yang berjimat cermat lebih akan lebih mengambil kira setiap pengeluaran mereka agar dapat mengelakkan pemborosan.

Rangkap 8

Berdasarkan rangkap lapan di atas, terdapat nilai murni cinta akan negara. Nilai cinta akan negara merujuk rasa kasih sayang, kesetiaan dan dedikasi terhadap negara yang didiami. Ini melibatkan sikap yang mencerminkan penghargaan terhadap sejarah, budaya dan nilai-nilai dalam memajukan kepentingan dan kesejahteraan bersama. Orang yang cinta akan negara lebih cenderung memiliki rasa tanggungjawab terhadap negara serta lebih menghormati undang-undang, norma dan institusi yang ada.

Rangkap 9

